



PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG

Iklan dibukakan kepada warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam sahaja.

ASSISTANT RESIDENT ENGINEER (A.R.E.)

JABATAN JALAN RAYA

JABATAN KERJA RAYA

B.2 (\$2,445 - \$3,280)

KEKOSONGAN = 01 (SATU)

KELAYAKAN MINIMUM

1. Mempunyai kelulusan pendidikan sekurang-kurangnya diperingkat Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam bidang berkaitan.
2. Mempunyai pengalaman kerja di dalam bidang yang berkenaan sekurang-kurangnya 03 (tiga) tahun adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI ASSISTANT RESIDENT ENGINEER

1. Membantu Jurutera atau pegawai yang bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran projek dan operasi di tapak;
2. Menyelia semua kerja kontraktor di tapak serta memastikan kerja-kerja dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan;
3. Menyediakan rekod harian dan melaporkannya kepada pegawai yang bertanggungjawab;
4. Menghadiri mesyuarat tapak, mesyuarat teknikal dan mana-mana mesyuarat penyelarasan lain yang diperlukan sepanjang pelaksanaan kerja;
5. Memantau kemajuan dan kualiti kerja di tapak serta melaporkannya kepada pegawai yang bertanggungjawab, termasuk memaklumkan sebarang ketidakpatuhan atau percanggahan yang dikenal pasti di tapak atau dalam dokumen kontrak;
6. Menilai dan mengesahkan tuntutan kemajuan kerja kontraktor;
7. Mengambil bahagian dalam pemeriksaan *practical completion* sehingga ke peringkat penerimaan akhir; dan
8. Melaksanakan apa jua tugas lain yang berkaitan dari semasa ke semasa sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab.

Nota:

1. Pemohon dikehendaki untuk mengisi dan mengembalikan **Borang Permohonan Site Staff** yang lengkap, salinan kad pengenalan dan sijil-sijil yang berkenaan melalui e-mel ke uss@pwd.gov.bn **tidak lewat dari hari Ahad, 06 September 2026.**
2. Hanya pemohon yang memenuhi syarat sahaja akan dihubungi.
3. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai permohonan, Pemohon boleh menghubungi **Unit Site Staff** di talian **2383911 sambungan 101.**